

11 SEP 2002

Tajol-Pangkor

KERAJAAN NEGERI CADANG PANJANGKAN LANDASAN TERBANG PANGKOR

IPOH, 11 Sept (Bernama) -- Kerajaan negeri Perak merancang memanjangkan landasan terbang di Pulau Pangkor bagi menarik lebih ramai pelancong ke pulau peranginan itu.

Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali berkata beliau telah mengemukakan cadangan tersebut kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad secara lisan dan dipersetujui oleh Perdana Menteri.

Katanya perkara yang perlu difikirkan sekarang ialah cara landasan tersebut boleh dipanjangkan dan dalam masa yang sama melindungi alam sekitar di pulau tersebut.

"Kita mahu panjangkan landasan supaya kapal terbang yang lebih besar dapat turun di Pulau Pangkor. Sekarang orang naik kapal terbang turun di Ipoh dan perlukan lebih dari dua jam untuk sampai ke Pulau Pangkor, " katanya kepada pemberita selepas perasmian Kem dwitahunan Kebangsaan keenam Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) oleh Raja Muda, Raja Nazrin Shah di Taman Rekreasi Gunung Lang, di sini hari ini.

Tajol Rosli berkata kerajaan negeri bercadang memanjangkan landasan itu hingga 500 meter dan berkemungkinan sebahagian laut akan ditambak untuk tujuan itu.

"Daripada pemerhatian awal, tiada masalah untuk memanjangkan landasan terbabit kerana kedudukan di kawasan yang terpencil. Cuma kita kena kaji cara terbaik untuk melakukannya," katanya.

Tajol Rosli berkata selain memanjangkan landasan, kerajaan negeri juga mahu membina marina di Pulau Pangkor untuk memudahkan kapal layar berlayar dari satu tempat ke tempat lain.

"Dengan adanya marina, orang ramai dari Bali yang ingin ke Phuket boleh singgah di Pulau Pangkor. Sekarang ramai orang suka naik kapal layar. Kita akan kaji dari segi kos.

"Kalau boleh kita ingin tarik kapal Star Cruise datang ke Pulau Pangkor, Pangkor Laut dan Lumut. Untuk ini kita perlu jeti yang besar kerana kapal mereka besar. Ada syarikat swasta yang mahu bina jeti yang panjang," katanya.

Beliau berkata pada hujung minggu lepas, sewaktu Perdana Menteri berada di Pangkor Laut, beliau telah meninjau dari udara jalan-jalan yang terdapat di sana dan kagum dengan cara ia dibuat yang melindungi keadaan semulajadi hutan di sana.

"Beliau berkata jalan-jalan seperti itu akan dibina di Pulau Tioman dan juga hutan-hutan yang lain. Ini akan dapat mempertahankan keadaan semulajadi hutan-hutan tersebut," katanya.

Dalam perkembangan lain, kerajaan negeri telah melantik enam syarikat swasta, empat daripada syarikat tempatan (Perak) dan dua lagi syarikat dari Kuala Lumpur dan Singapura untuk mengendalikan perternakan udang secara besar-besaran di Lumut.

"Bagi syarikat yang mendapat tanah lebih 40 ekar (16 hektar), mereka perlu mengembalikan 20 peratus daripada hasil dalam bantuk kolam udang kepada kerajaan negeri untuk dikendalikan nelayan-nelayan tempatan. Untuk ini tanah seluas 869 ekar (347.6 hektar) telah diluluskan," katanya.

Tajol Rosli berkata bagi setiap 100 ekar (40 hektar) tanah, kerajaan negeri akan mendapat 20 kolam untuk diurus nelayan yang komited.

"Ternakan udang akan dijalankan di atas tanah hutan bakau. Untuk mengelak mereka memasuki tanah hutan bakau simpan, kita akan tubuh jawatankuasa untuk memantau aktiviti mereka," katanya.

-- BERNAMA
KAY LAT